

20/10/1997

Hamid dilantik Yang Dipertua Yadim

KUALA LUMPUR, Ahad - Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, dilantik sebagai Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim), berkuatkuasa Rabu lalu.

Abdul Hamid menggantikan bekas Yang Dipertua Yadim, Datuk Dusuki Ahmad, yang mengambil alih jawatan itu daripada Datuk Dr Yusof Nor sejak Jun 1994.

Dusuki, ketika dihubungi hari ini, berkata perlantikan Abdul Hamid adalah langkah kerajaan meningkatkan martabat dan keberkesanan Yadim dalam menjalankan urusan dakwahnya.

Katanya, Abdul Hamid sebagai seorang menteri memiliki kelebihan kerana beliau mempunyai pelbagai kemudahan dan berpeluang menemui pucuk pimpinan bagi membincangkan soal berkaitan Yadim.

Selain itu, katanya, kedudukan Dr Hamid juga membolehkan beliau mengatasi masalah terutama dari segi kewangan yang dihadapi Yadim yang hanya menerima peruntukan berjumlah RM1 juta setahun.

Menurutnya, beliau menerima surat mengenai perkara itu daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada pagi Rabu lalu dan menjemput Abdul Hamid pada petangnya untuk menyerahkan tugas secara rasmi.

"Surat itu menyatakan bahawa perkhidmatan saya sebagai Yang Dipertua Yadim tidak disambung semula selepas menamatkan tempoh perlantikan selama tiga tahun," katanya.

Dasuki berkata, beliau berterima kasih dan menghargai kepercayaan yang diberikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepadanya selama ini bagi menerajui yayasan itu.

(END)